

28/03/2004

Puas hati kami, padan muka awak. Itulah politik Melayu?

Noor Azam

"They prefer what the BN has proposed dan they like our plan. They like what we are trying to do, and perhaps they also like the way we are doing it." - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (NST, 24 Mac 04)

"Based on our research, corruption is the number one concern among Malaysians. This means there is no room for corrupt ministers." - Prof Dr Johan Saravanamuthu

"If he surrounds himself with Cabinet colleagues who cannot withstand close public scrutiny, his call for national integrity will sound very hollow." - Tengku Abdul Aziz (The Star, 24 Mac 04)

Bagi orang Cina: Politik itu kuasa dan angka

DALAM tulisan saya minggu lalu, saya kata, antara sebab Pas berpisah dengan DAP, kerana `DAP pun semakin hari semakin nak mati'. Ternyata sekarang, perkiraan saya salah. DAP bukan saja tidak mati, bahkan hidup segar kembali.

Rupa-rupanya `ubat' yang mengikut Datuk Seri Haji Hadi `sudah luput tempoh' itu, masih laku. Dengan 12 kerusi, DAP akan kembali ke parlimen sebagai pembangkang yang akan menggamatkan sidang. Saya kira Lim Kit Siang dan Karpal Singh akan lebih garang, membuktikan mereka belum'.

Kembalinya DAP menunjukkan pengundi Cina - sebagai kaum pedagang - selalu mengundi dengan perhitungan yang rasional: Mengira untung dan rugi.

"Every time I watch the news or when I am in Pekan during the flood season, I am saddened when I am told that Kuantan-Pekan road is impassable to traffic." - Datuk Seri Najib (NST, 20 Mac)

"Why now? They (BN) ruled the State (Terengganu) for 40 years. They should have done that (bawa perubahan) 40 years ago." - Datuk Seri Haji Hadi (NST, 20 Mac)

Pada 1999 DAP mengharapakan - muafakatnya dengan Pas dan Keadilan akan memberinya peluang ikut memerintah, setidak-tidaknya pada peringkat negeri. Malangnya BA hanya dapat menguasai negeri Melayu. Tiadalah tempat untuk DAP. Lalu ia pun meninggalkan BA dan bersendirinya lagi.

Taktik dan strategi politiknya ini betul. Daripada mati, lebih baik jadi pembangkang. Pengundi Cina kembali lagi kepadanya. Mereka mahu suara mereka didengari, kepentingan mereka dijagai. Sekali gus dapat mengingatkan MCA dan Gerakan agar tiada lalai dan lupa akan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Bagi mereka: Politik adalah kuasa dan angka! Dan kuasa yang berguna, ada di tangan rakyat yang mengundi mengikut perhitungan, bukan perasaan.

Bagi orang Melayu: Politik itu maruah, bukan kuasa

SEBALIKNYA, orang Melayu terutama yang mengundi pembangkang, sering mengikut gelombang perasaan. Tulisan sepanduk dan sindiran politik di kawasan Melayu sering menunjukkan betapa ceteknya pemikiran politik bangsa kita. Kata-katanya sering menjadi bahan ketawa. Umpamanya: Gelombang biru, muntah hijau!

Perhitungannya: Puas hati kami dan padan muka awak. Kepada orang Melayu, kalah menang politik adalah soal maruah. Biar papa asal bergaya. Politik itu maruah, bukan kuasa. Sikap begini dapat dilihat dengan jelas, umpamanya pada pilihan raya tahun 1990 dan 1999.

"Semua umat Islam membaca al-Quran yang sama. Yang membezakan kita di kalangan umat Islam ialah bagaimana kita terjemahkan dan ikuti ajaran itu untuk menjadikan kita yang baik, yang maju, yang elok, tidak miskin, tidak terhimpit." - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

"Umno takut kepada Pas. Sekarang siapa yang terdesak. Pas atau Umno? Kalau nak buat muzakarah lepas pilihan raya, maka jawabnya tutup bukulah. Tak payahlah." - Datuk Nik Aziz (Harakah, Februari 04)

Benarlah analisis Datuk Dr Harun Din: "Pada 1990, Pas membawa gelombang krisis Umno 1987 dan memperoleh kejayaan cemerlang di Kelantan."

Kebetulan pada pilihan raya itu saya ditugaskan di Kelantan. Terasa sekali betapa kuatnya gelombang yang dibawa oleh Team B pimpinan Tengku Razaleigh yang digabungkan dengan Pas Kelantan. Serangan bertubi-tubi terhadap Dr Mahathir menyebabkan ramailah rakyat Kelantan yang benci kepada Presiden Umno ini yang menang tipis ketika ditentang oleh Tengku Razaleigh pada pemilihan MT Umno 1986.

Rata-rata orang Kelantan mahu Ku Li jadi Perdana Menteri. Justeru pada saat-saat akhir dibawalah PBS (Pairin) ke dalam Angkatan Perpaduan Umah. Pada tahun itu, pintu hati saudara-saudara kita di Kelantan kepada Umno - hampir semuanya - tertutup rapat. Maka hanyutlah Umno di Kelantan dan Sabah pun jatuh ke tangan pembangkang (PBS).

"Lanjutan masa mengundi bagi Selangor sehingga jam tujuh malam dibuat tanpa asas peruntukan undang-undang. Kami juga menemui begitu ramai pengundi yang mendaftar di satu alamat sehingga terdapat 20 atau lebih." - Datuk Seri Haji Hadi (Harian Metro, 24 Mac)

"Beliau (Rashid) mesti bertanggungjawab sepenuhnya dan meletak jawatan. DAP akan memberi peluang kepadanya hingga akhir bulan ini agar beliau meletak jawatan dan sekiranya gagal berbuat demikian, kami akan mula menyediakan prosiding pendakwaan terhadapnya." - Lim Kit Siang (Harian Metro, 24 Mac)

Kata Datuk Dr Haron Din lagi: "Pada tahun 1995 pula, kami meneruskan gelombang besar itu... serangan bertubi-tubi dalam gelombang itu membolehkan Pas kekal di Kelantan selain menambah kerusi di Terengganu."

Seterusnya, "Pada 1999 pula, Pas membawa gelombang besar berikutan pemecatan Anwar. Bagaimana pun kali ini gelombang kami lebih kecil dan tenggelam dalam gelombang besar yang dibawa Perdana Menteri." (BH, 24 Mac 04).

Jika pengertian "gelombang besar" Datuk Haron itu sama dengan pengertian saya, jelaslah betapa gelombang perasaan, menentukan pemilihan pengundi. Pada tahun 1999 itu, bukan saja gelombang Anwar Ibrahim, tetapi yang lebih membawa kesan ialah serangan yang mengobarkan kebencian yang amat sangat kepada Dr Mahathir, di kalangan orang Melayu. Kebencian ini mencengkam rasa, dari pejabat Menteri hingga ke Tadika.

Belum pernah saya temui di mana-mana pun, seorang Perdana Menteri atau Presiden, dicaci maki dan dipanggil 'Maha zalim' dan 'Maha Firaun' dalam ceramah umum dan dalam media selama kira-kira empat tahun. Kemarahan ini makin geram-mendalam menusuk hati, apabila Dr Mahathir terus melawan dan bekerja melaksanakan program pembangunannya. Dan BN masih menang dua pertiga.

Kali ini, 2004, Dr Mahathir tidak boleh lagi dijadikan sasaran dan isu utama kempen pembangkang. Percubaan menjadikan Pak Lah sebagai sasaran tidak berjaya. Gelombang kebencian berganti dengan rasa tenteram dan selesa. Umno dan BN diberi mandat paling besar dalam sejarah pilihan raya kita.

Semoga pengundi telah membuat pilihan yang betul dan rasional. Kata Datuk Seri Haji Hadi: "Keputusan pilihan raya tidak ditentukan oleh pasaran saham. Ia ditentukan oleh pengundi."

Di Kota Bharu, Tok Guru Nik Aziz mengatakan, kekalahan Pas disebabkan oleh BN menggunakan harta benda kerajaan. Maka marahlah Tok Guru: "Kita tidak akan halalkan duit yang mereka terima, air yang mereka minum dan nasi yang mereka makan. Mereka akan dikutuk Allah sepanjang hayat dan kita akan mendapat rahmat Allah."

NOTA KAKI: Sengaja saya petik pendapat beberapa tokoh dan pemimpin -
tanpa ulasan - untuk kita fikirkan.

* (No 86, Jalan SS22/32, Damansara Jaya, Selangor - 25 Mac 04)